

# Tindakan Dr. Mahathir tidak bantu lonjak sokongan Melayu

UM-14/2/2019 m/s: 3

**ALOR SETAR 13 Feb.** - Tindakan Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu), Tun Dr. Mahathir Mohamad menerima penyertaan bekas Ahli Parlimen UMNO ke dalam parti itu terus mendapat bantahan khususnya daripada PKR.

Terbaharu, Ketua Angkatan Muda Keadilan (AMK) negeri, Moham-med Firdaus Johari menzahirkan rasa kecewa dengan keputusan tersebut yang seolah-olah menidakkan keputusan rakyat yang telah menolak UMNO dan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya umum lalu.

Dalam masa sama, Moham-med Firdaus juga terkilan apabila Dr. Mahathir yang pernah membuat kenyataan pada Mei tahun lalu bahawa tidak

akan menerima kepemimpinan UMNO memasuki Pakatan Harapan (PH), namun kini janji itu dimungkiri.

“Kalau kita lihat apabila Dr. Mahathir buka ruang itu (membenarkan kemasukkan pemimpin UMNO dalam PH) ia tidak akan membantu melonjakkan sokongan Melayu.

“Kita kecewa, rakyat juga kecewa. Apabila mereka menyertai PH tidak semestinya tindakan mereka sewaktu be-

rada di dalam kerajaan yang gagal bersuara untuk rakyat dahulu dibersihkan,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Semalam, enam bekas Ahli Parlimen UMNO mengesahkan memasuki Bersatu dalam satu majlis khas di Yayasan Kepimpinan Perdana di Putrajaya.



**MOHAMMED FIRDAUS**